

Libatkan kos sebanyak RM114.9 juta untuk dijual kepada TNG

Ekuinas jual 60% ekuiti Tranglo



SYED YASIR ARAFAT

KUALA LUMPUR – Ekuitas Nasional Bhd. (Ekuinas) telah melupuskan keseluruhan 60 peratus kepentingan miliknya dalam Tranglo Sdn. Bhd. (Tranglo) kepada TNG FinTech Group Inc. (TNG) dengan kos sebanyak RM114.9 juta.

Ini merupakan pelupusan kali kesembilan buat Ekuinas di bawah pengurusannya, dengan jumlah hasil terealisasi syarikat sehingga kini mencecah lebih RM2 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Syed Yasir Arafat Syed Abd. Kadir berkata, hasil jualan ini

menjana Kadar Pulangan Dalam (IRR) sebanyak 26.8 peratus dan bersamaan 1.96 kali daripada modal yang dilaburkan.

“Pemilihan TNG dibuat selepas proses jualan teliti yang menarik minat beberapa pihak di peringkat global.

“Semua ini dilakukan berdasarkan merit, yang mana keupayaan, sumber dan penjajaran dengan wawasan pengurusan diberi keutamaan,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Syed Yasir Arafat menerangkan, keputusan untuk melu-

puskan perniagaan dibuat berdasarkan kepada faktor seperti strategi Ekuinas untuk terus merealisasikan nilai aset apabila masa dan suasana ekonomi adalah sesuai.

Faktor lain adalah untuk mengetahui pasti rakan strategik yang mampu melonjakkan perniagaan ke fasa pertumbuhan yang seterusnya.

“Sepanjang tempoh pelaburan, Ekuinas bekerjasama rapat dengan pasukan pengurusan Tranglo untuk meluaskan rangkaian pemindahan masa perbualan dan pemindahan wang.

“Dari segi prestasi, Tranglo berjaya meningkatkan jumlah pemindahan wang sebanyak 15 kali sejak pemerolehan Ekuinas,” jelasnya.

TNG merupakan perintis industri yang menyediakan perkhidmatan kewangan generasi baharu kepada 1.2 bilion penduduk di Asia yang tidak mempunyai pendaftaran bank.

Ia menyediakan perkhidmatan kiriman tunai dan pemindahan wang kepada penggunanya melalui lebih daripada 900 rangkaian bank dan lebih 200,000 pusat pengambilan tunai di seluruh dunia.